

10 NOV 1998

Malaysia-wawasan/I

SASARAN 2020 MASIH MAMPU DICAPAI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Malaysia mampu mencapai sasaran negara maju menjelang tahun 2020, meskipun terdapat kelewatan sedikit memandangkan krisis ekonomi semasa, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini adalah kerana ekonomi negara ini dijangka berkembang pada kadar tujuh peratus sepanjang tempoh 30 tahun, tetapi memandangkan ia mampu mencapai lebih daripada 7 peratus dalam sembilan tahun pertama, ia masih boleh mencapai sasaran tersebut, katanya.

Dr Mahathir berkata demikian menerusi wawancara yang disiarkan secara langsung oleh Cable News Network (CNN), dalam segmen Business Asia malam ini.

Mengenai krisis matawang semasa, Perdana Menteri mengulangi bahawa penyusutan nilai ringgit oleh pedagang-pedagang matawang telah menyebabkan masalah ekonomi kepada Malaysia.

Beliau juga berkata meskipun kerajaan mengakui bahawa ia telah membuat kesilapan tetapi itu tidak bermakna ekonomi negara turut runtuh.

"Sekiranya ia merupakan kesilapan kita, ia (krisis) telahpun berlaku sejak dari dulu lagi," katanya.

Mengenai sama ada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim seharusnya dihargai kerana jasanya pada negara, Perdana Menteri akui bahawa Anwar telahpun berbakti kepada negara tetapi ada kalanya beliau tidak bersetuju dengan pandangan Anwar.

Sebagai contoh, katanya Anwar mahu mengguna pakai strategi Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk Malaysia, yang kerajaan membenarkannya sehinggalah ia menunjukkan strategi itu akan merosakkan ekonomi Malaysia. Kemudian Anwar menerima pandangan itu bahawa negara tidak seharusnya mengikut telunjuk IMF.

Mengenai saranan bahawa pakej IMF berkesan untuk Thailand, katanya: "itu sesuatu yang kita boleh kaji bersama tetapi orang lain mempunyai pendapat yang berbeza."

Menjawab soalan berhubung dengan langkah kawalan tukaran asing, katanya, kegagalan masyarakat antarabangsa mengadakan peraturan dalam dagangan matawang akan membuat Malaysia melanjutkan kawalan berkenaan.

Mengenai kritikan bahawa langkah-langkah yang diambil Malaysia adalah sebagai usaha untuk melindungi rakyat Malaysia yang kaya raya, perdana menteri berkata walau apa pun Malaysia lakukan atau tidak lakukan, pengkritik sudapun mempunyai pendapat mereka sendiri.

Dr Mahathir menegaskan bahawa langkah-langkah yang dikenakan oleh Malaysia bertujuan membantu rakyatnya dan usaha yang diambil telahpun membuahkan hasil.

Ini terbukti daripada peningkatan dalam rizab asing negera sebanyak AS\$4 bilion sejak kawalan berkenaan dilaksanakan pada September lalu serta peningkatan dalam jualan rumah dan kenderaan.

Pasaran saham kini bertambah baik manakala bank-bank yang dilanda masalah kini sudahpun diringankan bebanannya berhubung dengan pinjaman tidak berbayar (NPL) yang semakin mengecil.

Menyuntuh tentang syarikat-syarikat besar tidak seharusnya dibiarkan gagal, Dr Mahathir berkata syarikat tersebut bukannya milik seorang dua tetapi adalah milik negara.

Sekiranya syarikat-syarikat ini dibiarkan gagal, banyak orang yang akan menderita, katanya.

-- BERNAMA
SHO MA RI